



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KESEDIAAN GURU MENGGUNAKAN INTERNET DALAM PENGAJARAN DAN
PEMELAJARAN DI SEKOLAH MENENGAH TEKNIK KULIM.**

RUMAIZI BIN AHMAD



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**LAPORAN PROJEK YANG DIKEMUKAKAN SEBAGAI
MEMENUHI SEBAHAGIAN SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(REKABENTUK INSTRUKSIONAL DAN TEKNOLOGI)**

**FAKULTI SAINS KOGNITIF DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2006



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali
nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya

14 APRIL 2006

RUMAIZI BIN AHMAD
M20021000525



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DECLARATION

I hereby declare that the work in this dissertation is my own except for quotations
and summaries which have been duly acknowledged

14 APRIL 2006

RUMAIZI BIN AHMAD
M20021000525



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah S.W.T., Tuhan sekealian alam yang telah memberikan kekuatan dan ketenangan kepada penulis dalam menyempurnakan projek ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof. Madya Dr.Abd. Latif Haji Gapor, Timbalan Dekan Fakulti Sains Kognitif dan Pengajian Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, selaku penyelia utama yang tidak jemu-jemu dalam memberikan bimbingan, dorongan, bantuan dan tunjuk ajar kepada penulis sepanjang tempoh pengajian dan penyempurnaan projek ini. Ucapan penghargaan dan terima kasih ini juga penulis tujukan kepada Prof. Madya Dr. Yusup Hashim, Pensyarah Pusat Teknologi Pendidikan dan Multimedia, yang turut memberikan bimbingan dan dorongan, Dr. Ab.Rahman Ab. Rashid, pensyarah Fakulti Bahasa, yang sentiasa memberikan semangat, serta kepada para pensyarah lain yang telah mencurahkan ilmu yang tidak ternilai kepada penulis.

Rakaman terima kasih ini juga ditujukan kepada Pengetua Sekolah Menengah Teknik Kulim, Encik Ahmad bin Haji Hassan, para guru Sekolah Menengah Teknik Kulim, rakan-rakan sepengajian terutama Encik Dariah Ibrahim dan individu yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak dalam membantu penulis menyempurnakan projek ini.

Ucapan terima kasih ini juga ditujukan kepada ayah dan bonda tercinta, Allahyarham Ahmad Haji Abdul Hamid dan Zainab Awang Yasin, yang telah mendidik penulis untuk mencintai ilmu dan sentiasa berdoa untuk kejayaan penulis dunia dan akhirat.

Akhirnya ucapan terima kasih ini ditujukan buat isteri tersayang yang banyak berkorban dan sentiasa memahami kesibukan penulis sepanjang mendalami ilmu dan menyempurnakan projek ini. Tidak ketinggalan juga anak-anak yang dikasihi, yang sentiasa menjadi perangsang kepada penulis untuk sentiasa mendekati ilmu. Di penghujung tinta inilah diabadikan nama-nama kalian.

Shuhaini
Mohd. Irfan Hamdi
Nur Arfah Waheeda
Nur Aisyah Athirah
Muhammad Imran Hafizi

Sekian, wassalam





ABSTRAK

Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang bertujuan untuk melihat tahap kesediaan guru di Sekolah Menengah Teknik Kulim terhadap penggunaan internet dalam pengajaran dan pembelajaran. Tahap kesediaan ini diukur melalui empat aspek iaitu aspek persepsi guru terhadap kesesuaian menggunakan internet dalam pengajaran dan pembelajaran, aspek persepsi guru terhadap keberkesanan guru menggunakan internet dalam pengajaran dan pembelajaran, aspek keselesaan guru menggunakan internet dalam pengajaran dan pembelajaran dan aspek tahap kesediaan guru untuk mempelajari kemahiran internet. Kajian ini menggunakan instrument soal selidik kepada 113 orang guru dan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science* versi 11.0 bagi mencari kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai. Statistik Inferens iaitu Ujian-T dan Anova Sehalu digunakan untuk menguji hipotesis kajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa min antara subskala sikap terhadap kesesuaian penggunaan internet dalam pengajaran dan pembelajaran adalah pada tahap tinggi. Bagi aspek keberkesanan menggunakan internet dalam pengajaran dan pembelajaran juga berada pada tahap tinggi dan aspek kesediaan guru mempelajari kemahiran internet juga berada pada tahap tinggi. Bagi aspek keselesaan menggunakan internet dalam pengajaran dan pembelajaran pula, tahap persepsi guru berada pada tahap sederhana. Secara keseluruhan, tahap kesediaan guru menggunakan internet dalam pengajaran dan pembelajaran berada pada tahap sederhana. Dicadangkan supaya guru-guru diberi lebih banyak latihan mengenai kemahiran dalam merekabentuk pengajaran menggunakan internet dalam pengajaran dan pembelajaran .





THE TEACHER'S READINESS ON THE USAGE OF INTERNET IN TEACHING AND LEARNING AT KULIM TECHNICAL SECONDARY SCHOOL.

ABSTRACT

This aim of the research is to observe teacher's readiness from Sekolah Menengah Teknik Kulim towards internet usage in teaching and learning. The level of teacher's readiness is measured by four aspects, that is the perception of appropriateness attitude towards internet usage in teaching and learning, the perception of effectiveness attitude towards internet usage in teaching and learning, the perception of comfortable attitude towards internet usage in teaching and learning and the perception of their readiness of learning internet skill. This research is carried out through observation using questionnaires. The Respondents consist of 113 teachers from Kulim's Technical Secondary School, Kulim, Kedah. This research used the Statistical Package for the Social Science version 11.0 to analyze the data. The statistic description is shown in percentage. The mean and standard deviation is used to evaluate the research questionnaires. Statistic inference that is used to test the research hypothesis were the T-test and One-way ANOVA. The research result indicated that the mean between the subscale of appropriateness teacher's perception towards internet usage in teaching and learning was at the high level, the subscale of teacher's perception towards effectiveness internet usage was at the high level and the subscale of teacher's perception towards readiness to learn internet skill was also at the high level, meanwhile the subscale of teacher's perception towards comfortability internet usage was at the intermediate level. In conclusion, teacher's readiness on the usage of internet in teaching and learning was at intermediated level. Therefore, it is recommended that the teachers must be given more training on instructional design skills on using internet in teaching and learning.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
BAB 1	PENDAHULUAN
1.1	Pengenalan 1
1.2	Latar Belakang Kajian 2
1.3	Keperluan Penggunaan Internet Dalam Pengajaran dan Pemelajaran 6
1.4	Kelebihan Penggunaan Internet Dalam Pendidikan 8
1.4.1	Internet Memudahkan Pengajaran Guru 8
1.4.2	Internet sebagai gedung maklumat 9
1.4.3	Komunikasi tanpa sempadan 9
1.4.4	Pemelajaran interaktif secara talian 10
1.4.5	Penyelidikan elektronik 11
1.4.6	Selaras Dengan Tuntutan Teori Pemelajaran Terkini 11
1.4.7	Meningkatkan Prestasi dan Minat Pelajar Di Sekolah 12





1.5	Pendekatan Teori	13
1.6	Pernyataan Masalah	14
1.7	Objektif Kajian	16
1.8	Kerangka Konsep Kajian	17
1.9	Persoalan Kajian	19
1.10	Hipotesis Kajian	20
1.11	Kepentingan Kajian	21
1.12	Batasan Kajian	23
1.13	Definisi Operasional	24
1.14	Kesimpulan	29

BAB 2

-4506832

**KAJIAN LITERATUR**Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

2.1	Pengenalan	29
2.2	Sejarah Perkembangan Internet	30
2.3	Sejarah Perkembangan Internet Di Malaysia	33
2.4	Perkhidmatan Yang Disediakan Dalam Internet	36
2.4.1	Aplikasi Komunikasi Elektronik	36
2.4.2	Aplikasi Penyebaran Maklumat	39
2.4.3	Aplikasi Pemindahan Fail	40
2.4.5	Aplikasi Capaian Jauh	40
2.4.6	Aplikasi Carian Maklumat	40



2.5	Penggunaan Internet Dalam Pengajaran dan Pemelajaran	41
2.5.1	Persepsi Guru Terhadap Kesesuaian dan Keberkesanan Penggunaan Internet	41
2.5.2	Persepsi Guru Terhadap Kesselesaian Menggunakan Internet Dalam Pengajaran dan Pemelajaran	42
2.5.3	Persepsi Guru Terhadap Ksediaan Mempelajari Kemahiran Internet	43
2.5.5	Penggunaa Internet Mengikut Jantina	44
2.5.6	Tujuan Guru Mengakses Internet	47
2.5.7	Tempoh Masa Menggunakan Internet	48
2.5.8	Tahap Penggunaan Internet Oleh Guru	49

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	52
3.2	Reka bentuk Kajian	53
3.3	Pemilihan Sampel Kajian	53
3.4	Lokasi Kajian	54
3.5	Instumen Kajian	55
3.5.1	Bahagian A: Latar Belakang Responden	56
3.5.2	Bahagian B: Penggunaan Internet	56
3.5.3	Bahagian C: Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Internet	57
3.6	Kaedah Pengumpulan Data	60



3.6.1	Maklumat Sekunder	60
3.6.2	Maklumat Primer	60
3.7	Kaedah Penganalisisan Data	61
3.8	Kesimpulan	63

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	64
4.2.1	Latar Belakang Responden	65
4.2.2	Taburan Responden Mengikut Jantina	65
4.2.3	Taburan Responden Mengikut Umur	66
4.2.4	Taburan Responden Mengikut Keturunan	67
4.2.5	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar	68
4.4.6	Taburan Responden Mengikut Subjek Diajar	69
4.2.7	Taburan Responden Mengikut Kelulusan Akademik	70
4.3	Analisis Profail Guru Dalam Penggunaan Internet	71
4.4	Persepsi Guru Terhadap Kesesuaian Menggunakan Internet dalam Pengajaran dan Pemelajaran	76
4.5	Persepsi Guru Terhadap Keberkesanan Menggunakan Internet dalam Pengajaran dan Pemelajaran	78
4.6	Persepsi Guru Terhadap Keselesaan Menggunakan Internet dalam Pengajaran dan Pemelajaran	80





4.7	Persepsi Guru Terhadap Kesiediaan Mempelajari Kemahiran Internet	82
4.8	Tahap Kesiediaan Guru Menggunakan Internet Dalam Pengajaran dan Pemelajaran	84
4.9	Perbandingan Tahap Persepsi Guru Terhadap Aspek Kesiediaan Menggunakan Internet Dalam Pengajaran dan Pemelajaran Berdasarkan Jantina	87
4.10	Perbandingan Tahap Persepsi Guru Terhadap Kesesuaian Menggunakan Internet Dalam Pengajaran Dan Pemelajaran Berdasarkan Pengalaman Mengajar	90
4.11	Perbandingan Tahap Persepsi Guru Terhadap Keberkesanan Penggunaan Internet Dalam Pengajaran dan Pemelajaran Berdasarkan Pengalaman Menggunakan Internet	90
4.12	Perbandingan Tahap Persepsi Guru Terhadap Kesiediaan Mempelajari Kemahiran Internet Berdasarkan Umur Guru	92
4.13	Kesimpulan	94

BAB 5**PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	96
5.2	Ringkasan Kajian	97
5.3	Perbincangan Kajian	99
5.3.1	Latar Belakang Responden	99
5.3.1.1	Latar Belakang Sosial Guru	99
5.3.1.2	Ciri -Ciri Penggunaan Internet Oleh Guru	100
5.3.2	Persepsi Guru Terhadap Kesesuaian Menggunakan Internet Dalam Pengajaran	103





Dan Pemelajaran

5.3.3	Persepsi Guru Terhadap Keberkesanan Menggunakan Internet Dalam Pengajaran Dan Pemelajaran	103
5.3.4	Persepsi Guru Terhadap Kesselesaian Menggunakan Internet Dalam Pengajaran Dan Pemelajaran	104
5.3.5	Persepsi Guru Terhadap Kesediaan Mempelajari Kemahiran Internet	104
5.3.6	Tahap Kesediaan Guru Menggunakan Internet Dalam Pengajaran dan Pemelajaran	105
5.3.7	Perbandingan Tahap Persepsi Guru Terhadap Aspek Kesediaan Penggunaan Internet Dalam Pengajaran Dan Pemelajaran Berdasarkan Jantina	106
5.3.8	Perbandingan Tahap Persepsi Guru Terhadap Aspek Kesesuaian Penggunaan Internet Dalam Pengajaran Dan Pemelajaran Berdasarkan Pengalaman Mengajar	108
5.3.9	Perbandingan Tahap Persepsi Guru Terhadap Aspek Keberkesanan Penggunaan Internet Dalam Pengajaran Dan Pemelajaran Berdasarkan Pengalaman Menggunakan Internet	108
5.3.10	Perbandingan Tahap Persepsi Guru Terhadap Aspek Kesediaan Belajar Kemahiran Internet Berdasarkan Umur Guru	109
5.4	Rumusan Kajian	109
5.5	Cadangan	110
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	112



RUJUKAN	114
LAMPIRAN A Kebenaran Menjalankan Kajian	120
LAMPIRAN B Borang Soal Selidik	121

**SENARAI JADUAL**

Jadual		Muka Surat
2.1	Jumlah pengguna internet mengikut pecahan benua sehingga September 2002	33
2.2	Tahap-tahap penggunaan internet mengikut Sunal	50
3.1	Taburan Guru Mengikut Mata Pelajaran Mengikut Bidang	55
3.2	Skala Likert Mengenai Pandangan Guru Terhadap Penggunaan Internet Dalam Pengajaran dan Pemelajaran	58
3.3	Kandungan Soal Selidik Mengenai Pandangan Guru Terhadap Penggunaan Internet Dalam Pengajaran dan Pemelajaran	59
3.4	Interprestasi Skor Min Bagi Tahap Kesianaan Guru Menggunakan Internet Dalam Pengajaran dan Pemelajaran.	62
4.1	Taburan Berdasarkan Responden Jantina	66
4.2	Taburan Responden Mengikut Umur	67
4.3	Taburan Responden Mengikut Keturunan	68
4.4	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar	69
4.5	Taburan Responden Mengikut Subjek Diajar	70
4.6	Taburan Responden Mengikut Kelulusan Akademik	71
4.7	Profail Guru Dalam Penggunaan Internet	72
4.8	Jadual Peratusan dan Skor Min Mengikut Persepsi Guru Bagi Aspek Kesianaan Menggunakan Internet Dalam Pengajaran dan Pemelajaran	77
4.9	Jadual Peratusan dan Skor Min Mengikut Persepsi Guru Bagi Aspek Keberkesanan Menggunakan Internet Dalam Pengajaran dan Pemelajaran	79
4.10	Jadual Peratusan dan Skor Min Mengikut Persepsi Guru Bagi	81





Aspek Keselesaian Menggunakan Internet Dalam Pengajaran dan Pemelajaran

4.11	Jadual Peratusan dan Skor Min Mengikut Persepsi Guru Bagi Aspek Kesediaan Mempelajari Kemahiran Internet	83
4.12	Skor Min, Frekuensi dan Peratusan Aspek-Aspek Dalam Ksediaan Guru Menggunakan Internet Dalam Pengajaran dan Pemelajaran	85
4.13	Perbandingan Tahap Ksediaan Menggunakan Internet Dalam Pengajaran dan Pemelajaran Antara Guru Lelaki dan Perempuan	88
4.14	Ujian Anova Sehalu Bagi Perbandingan Tahap Persepsi Terhadap Kesesuaian Menggunakan Internet Dalam Pengajaran Dan Pemelajaran Berdasarkan Pengalaman Mengajar	90
4.15	Ujian Anova Sehalu Bagi Perbandingan Tahap Persepsi Guru Terhadap Keberkesanan Menggunakan Internet Dalam Pengajaran dan Pemelajaran Berdasarkan Pengalaman Menggunakan Internet	92
4.16	Ujian Anova Bagi Perbandingan Tahap Persepsi Guru Terhadap Ksediaan Mempelajari Kemahiran Internet Berdasarkan Pemilikan Akaun Internet	93
4.17	Ringkasan Analisis Ujian Yang Dilakukan Untuk Menguji Hipotesis	95





SENARAI RAJAH

Rajah

Muka Surat

1.1

Kerangka Konsep Kajian

18





BAB I

PENDAHULUAN



Internet sering dirujuk sebagai ciptaan terbaik abad ke-20, sehingga mencetuskan apa yang disebut sebagai gelombang ketiga selepas gelombang pertanian dan gelombang industri (Toffler, 1991). Menurut Hairudin (2001), ledakan maklumat ini (maklumat sintaktik) telah meminggirkan peranan maklumat klasik (maklumat semantik) serta menghakis kerangka dan struktur yang menampung maklumat klasik tersebut. Dalam hal ini, komputer yang dihubungkan dengan jaringan internet telah membolehkan banyak maklumat dapat diperoleh dengan cepat. Mana-mana negara yang tidak mempunyai rangkaian internet serta tidak mahir dalam penggunaannya akan menyebabkan negara tersebut ketinggalan kerana tidak mampu untuk bersaing dalam ekonomi global (Fred T. Hostetter, 1999). Inovasi dalam teknologi maklumat ini kini telah mengubah cara hidup





manusia terutamanya dalam bidang komunikasi. Perkembangan ini dapat menyebarkan segala maklumat kepada pelbagai lapisan masyarakat (Nik Azis, 1996).

Dalam bab ini, akan diterangkan keperluan menggunakan internet dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran, asas teori yang digunakan, objektif kajian, permasalahan kajian, kerangka konsep kajian, soalan-soalan kajian dan hipotesis kajian.

1.2 Latar Belakang Kajian

Dalam era Informasi dan Teknologi Maklumat (ICT) kini berlaku beberapa perubahan dan inovasi dalam sektor pendidikan. Paradigma pengajaran dan pembelajaran yang sedia ada pada masa kini menjadi tidak relevan lagi. Masanya sudah tiba bagi pihak sekolah untuk melihat kembali proses mengakses maklumat dan penyampaian kepada para pelajar masing-masing. Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi telah merubah persepsi dunia terhadap kemampuan manusia mencari, memperoleh, mencipta menyimpan, dan menyebarkan maklumat. Situasi ini merubah peranan institusi-institusi pendidikan yang dianggap sebagai penyebar utama ilmu pengetahuan. Buku-buku teks dan media cetak lain bukan lagi menjadi medium utama mendapatkan maklumat. Kini, maklumat yang diperolehi oleh pelajar melalui pengajaran guru di dalam kelas, boleh juga didapati melalui medium lain dengan cara yang lebih menarik dan terkini. Hal ini demikian kerana proses pengajaran dan pembelajaran tidak lagi dibatasi oleh ruang, tempat dan waktu. Persekitaran ini ialah





persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang berlandaskan kepada penggunaan internet (Ranjit Kaur a/p Gurdial Singh dan Chua Lay Siok, 2000). Mitra and Steffensmeier (2000) menyatakan bahawa institusi pendidikan yang mempunyai rangkaian komputer dan para pelajar mempunyai kemudahan terhadap akses komputer, akan mempunyai tanggapan yang positif terhadap penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran.

Menyedari bahawa perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi membawa impak yang besar terhadap perkembangan pendidikan negara, Kementerian Pelajaran Malaysia telah menyusun beberapa strategi e-pembelajaran yang berkaitan dengan penyediaan infrastruktur, kandungan dan pembangunan tenaga manusia (KPM, 2001a). Antara strategi tersebut ialah Projek Rintis Rangkaian Munsyi, yang melibatkan 14 buah sekolah menengah di seluruh negara pada tahun 1996. Projek ini bertujuan menggalakan guru dan pelajar berkongsi maklumat melalui internet dan mewujudkan sistem Pengurusan Pusat Sumber Elektronik (PSE) (KPM 2001b). Projek lain ialah Projek Rintis Sistem SchoolNet, yang dijalankan di Sekolah Kebangsaan Jalan 3, Bandar Baru Bangi, Selangor. Sistem SchoolNet memberi peluang kepada pelajar untuk memperoleh maklumat dengan pantas melalui gabungan pelbagai media pendidikan seperti audio, video, satelit dan internet. Projek Rintis Makmal Bestari pula dijalankan di Sekolah Menengah St.John, Kuala Lumpur. Projek ini bertujuan menguji kesesuaian model makmal Network Computer. Menerusi projek ini, guru dan pelajar dapat mengaplikasikan proses pengajaran dan pembelajaran melalui sistem pengambilan dan penghantaran maklumat dengan menggunakan internet dan intranet (KPM, 2001c)





Pelaksanaan Projek Rintis Sekolah Bestari merupakan titik tolak ke arah mewujudkan sekolah bestari di seluruh negara. Sekolah bestari merupakan institusi pembelajaran yang distruktur semula secara menyeluruh dari segi amalan pengajaran dan pembelajaran serta pengurusan sekolah bagi membantu pelajar menghadapi era teknologi maklumat dan komunikasi (KPM, 2001d). Untuk tujuan tersebut, Kementerian Pelajaran telah memilih sebanyak 85 buah sekolah menengah dan 5 buah sekolah rendah kebangsaan bagi peringkat percubaan selama tiga tahun bermula pada Julai 1999 hingga 2002. Sekolah-sekolah ini menjadi sekolah perintis yang akan menjadi panduan kepada pelaksanaan sekolah bestari peringkat kebangsaan secara berperingkat-peringkat pada masa akan datang (Smart School Project Team, 1997).



Pelajaran untuk mentransformasikan pendidikan agar bangsa Malaysia pada abad ke-21 bukan sahaja dapat menguasai teknologi maklumat untuk merealisasikan wawasan 2020, malah berupaya melahirkan masyarakat yang berupaya memajukan teknologi tersebut dan menjadi antara pemain utama dalam dunia digital. Sehubungan dengan itu, penubuhan Sekolah Bestari berhasrat melahirkan pekerja berilmu yang bukan sahaja mempunyai kemahiran teknologi dan berpengetahuan tetapi berupaya memperkembangkan pemikiran yang kritis dan *thoughtful-learning* sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Selain itu, Sekolah Bestari merupakan sebuah institusi pembelajaran yang mengamalkan perubahan yang *systemic* dalam aspek pengajaran dan pembelajaran serta pengurusan untuk membolehkan pelajar menangani cabaran era teknologi maklumat yang akan datang (Norzaini Azman, Mohammed Sani Bin Ibrahim, 2002).





Situasi ini jelas menunjukkan bahawa penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi akan menjadi budaya institusi pendidikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran pada alaf baru. Proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah akan berubah daripada mengutamakan ingatan kepada pembinaan pengetahuan melalui penggunaan teknologi multimedia dan internet. Menurut Yusup Hashim (1998a), peranan guru juga turut mengalami perubahan iaitu daripada hanya sebagai sumber maklumat semata-mata kepada pembimbing atau fasilitator, yang membantu para pelajar ke arah celik maklumat selaras dengan tuntutan kaedah pengajaran terkini. Golongan pendidik perlu terlebih dahulu melengkapkan diri mereka dengan kemahiran meneroka dan memanipulasikan maklumat melalui sumber elektronik (Ciglaric et.al,1998). Guru juga harus mempunyai kebolehan menyusun semula maklumat yang diperolehi supaya lebih berstruktur untuk tujuan pengajaran (Yusup Hashim, 1998b). Oleh itu, cabaran utama pendidikan masa kini ialah melahirkan guru yang dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan untuk menghadapi cabaran era teknologi maklumat. Hal ini penting supaya inovasi ini dapat digunakan dengan berkesan dalam pendidikan kerana inovasi sahaja tidak dapat mengubah apa-apa jika tidak ditangani dengan betul. Situasi ini dinyatakan oleh Cuban (1986) sebagai berikut:

"This study illustrates that the search for improving classroom productivity through technological innovation has yielded very modest changes in teacher practice without any clear demonstration that instruction is any more effective or productive after the introduction radio, film, instructional television, or computers." (ms.109)

Untuk tujuan ini para guru memerlukan satu anjakan paradigma dalam cara berfikir mengenai penggunaan teknologi pendidikan di sekolah.





1.3 Keperluan Penggunaan Internet Dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Kehadiran teknologi maklumat dan komunikasi telah menyebabkan dunia kini telah mengalami perubahan yang amat pantas dari segi penyebaran maklumat. Kerajaan telah mengambil langkah utama untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang sesuai, selaras dengan perkembangan teknologi ini dari segi prasarana, latihan dan peralatan. Guru sebagai penyampai maklumat kepada pelajar, perlu bertindak dan menguasai sepenuhnya konsep dan idea-idea baru yang diwar-warkan. Hal ini demikian kerana dengan memberitahu pelajar bahawa apa yang boleh dilakukan oleh teknologi sahaja tidak cukup kerana mereka perlu melihat bagaimana teknologi itu digunakan oleh guru mereka dan membuat pemerhatian terhadap penggunaan alat teknologi ini di dalam kelas. (Office of Technology Assessment, 1995). Oleh itu untuk melengkapkan diri dengan kemahiran menggunakan komputer dan internet, guru perlu mengubah persepsi dan sikap tentang cara dan gaya dalam pengajaran yang berteraskan teknologi maklumat. Pencapaian objektif sesuatu rancangan pengajaran bergantung kepada guru. Justeru, guru sebagai pelaksana perlu mempunyai sikap yang positif terhadap perubahan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Sesetengah penyelidik berpendapat bahawa sesebuah institusi pendidikan yang tidak mengasimilasikan teknologi ini bermakna mereka tidak memperdulikan fakta mengenai perubahan drastik yang berlaku dalam persekitaran mereka (Singer, Craig, Allen, Whitehouse, Dimitrova, & Sanders, 1996).

Menurut Sunal et.al (1998) internet merupakan satu medium yang memudahkan komunikasi dan pemerolehan maklumat. Keadaan ini memudahkan guru membantu para





pelajar untuk membentuk pengetahuan sedia ada pelajar dan menerima pengetahuan baru. Melalui pembelajaran aktif ini, pelajar boleh menggunakan teknologi untuk membaca, menulis, meneliti, dan menyelesaikan masalah. Situasi ini akan membawa perubahan daripada pembelajaran tradisional yang pasif kepada pembelajaran yang aktif, mengubah peranan guru dan pelajar ke arah pembelajaran konstruktif yang akan membawa tumpuan pelajar kepada konteks dunia yang sebenarnya. Perkara ini akan berlaku apabila pelajar terlibat secara aktif dalam pembelajaran mereka dan mencari jalan untuk mengintegrasikan pengetahuan baru dengan pengetahuan sedia ada.

Mengikut Harter dan Gerke (1998), untuk menerapkan penggunaan teknologi maklumat dalam kurikulum, guru haruslah mengenal pasti sumber-sumber pengetahuan yang boleh diperoleh daripada internet. Guru-guru perlu menggunakan sumber maklumat tersebut berdasarkan minat dan pengetahuan sedia ada pelajar untuk merangka aktiviti yang bertujuan membentuk pembelajaran yang bermakna. Penggunaan internet sebagai sumber maklumat dan alat pengajaran di dalam kelas memberi cabaran kepada semua guru pada semua peringkat. Jadi, jelaslah bahawa guru perlu menguasai kemahiran menggunakan internet untuk tujuan mengoptimumkan penggunaan internet dalam pendidikan.

Selain itu, penggunaan internet dalam pengajaran dan pembelajaran adalah selaras dengan domain pengembangan atau pembinaan dan domain penggunaan dalam teori dan amalan rekabentuk pengajaran. Dalam domain pengembangan atau pembinaan, teknologi komputer dan teknologi bersepadu iaitu hipermedia atau multimedia merupakan salah





satu kategori bahan dalam teknologi pengajaran. (Yusup Hashim, 1998c). Dalam domain penggunaan pula, internet boleh dianggap sebagai sumber (bahan dan perkakasan media) untuk pengajaran dan pembelajaran. Dalam hal ini penggunaan internet dapat dilihat dalam empat kategori iaitu penggunaan media dan proses, penyerapan/penenrimaan invosi, pelaksanaan dan penginstitusian (Yusup Hashim, 1998d).

1.4 Kelebihan Penggunaan Internet Dalam Pendidikan

1.4.1 Internet Memudahkan Pengajaran Guru



Menurut Zoraini (2000) “komputer tanpa internet ibarat muzik tanpa irama”. Hal ini menunjukkan betapa pentingnya internet terutamanya dalam bidang pendidikan. Secara umumnya internet boleh digunakan dalam bidang pendidikan dalam empat kategori utama, iaitu sebagai pengajaran dalam kelas, menyediakan bahan atau sukatan dalam talian, pendidikan jarak jauh dan sebagai literasi teknologi dalam kurikulum (Shawna Brynildssen, 2003).

Ciglaric et.al. (1998) mengatakan populariti internet sebagai alat pengajaran dan pembelajaran meningkat dengan pengenalan pemapar (*browser*) web yang berkonsep ramah pengguna. Dengan itu, web akan memudahkan pengajaran dan pembelajaran menggunakan teks dan grafik





untuk menyebarkan maklumat melalui internet yang boleh dicapai oleh kebanyakan orang. Pernyataan ini juga turut disokong oleh Charp (2000) yang menyatakan kemajuan internet telah membawa perubahan positif kepada cara guru mengajar dan murid belajar, bekerja, berkomunikasi dan bermain. Revolusi internet bukan setakat untuk mencari maklumat tetapi untuk menjalin hubungan dan merapatkan manusia.

1.4.2 Internet sebagai gedung maklumat

Maklumat-maklumat yang terkandung di dalam internet meliputi pelbagai kategori dan datang dari seluruh dunia. Maklumat-maklumat ini pula sentiasa dikemas kini dalam jangka waktu yang singkat. Perkara ini berbeza dengan maklumat dari buku yang jarang dikemas kini dan mengambil masa yang lama. Pengemaskinian maklumat yang kerap dalam masa yang singkat ini memudahkan guru dan pelajar mencari maklumat untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran. Malah guru yang kreatif boleh membina laman web sendiri untuk membekalkan maklumat mengenai subjeknya supaya pelajar dapat mengakses maklumat tersebut dengan lebih cepat dan objektif.





1.4.3 Komunikasi tanpa sempadan

Kemudahan mel elektronik, diskusi elektronik seperti IRC membolehkan komunikasi bersifat global dilaksanakan. Kemudahan ini membolehkan guru dan pelajar bertukar-tukar mesej, berkongsi idea dan bahan-bahan pendidikan dengan sesiapa sahaja di seluruh dunia. Komunikasi yang mudah, menjimatkan masa dan kos efektif ini dapat meningkatkan motivasi pelajar untuk berkongsi ideal dan bertukar fikiran. Input-input yang ada dalam internet mampu menyediakan pelbagai sumber dan maklumat untuk dimanfaatkan dalam bidang pendidikan.



Dapatan kajian Hampton (2000) terhadap 40,456 responden di Amerika Syarikat mendapati bahawa terdapat hubungan positif antara penggunaan internet dengan penggunaan e-mel. Hasil kajian menunjukkan semakin kerap seseorang menggunakan internet, semakin kerap seseorang itu berhubung dengan kawan atau saudara dengan e-mel. Hal ini menunjukkan bahawa penggunaan e-mel dapat meningkatkan komunikasi antara sahabat dan saudara mara.





1.4.4 Pemelajaran interaktif secara talian.

Internet telah membolehkan perkhidmatan dan program latihan disalurkan melalui talian dan diakses secara jarak jauh. Perlaksanaan konsep interaktif dalam pemelajaran membolehkan penyampai dan penerima mengakses bahan, menghantar dan menyemak tugas melalui aplikasi internet (Barone, 1999). Penggunaan beberapa aplikasi berasaskan internet membolehkan pemelajaran yang bermutu dapat disalurkan kepada guru dan pelajar dalam konteks yang lebih luas

1.4.5 Penyelidikan elektronik



Kewujudan perpustakaan elektronik melalui internet membolehkan guru dan pelajar membuat rujukan bahan ke perpustakaan yang terdapat di seluruh dunia. Kewujudan ini membolehkan guru dan pelajar mendapat bahan dan sumber maklumat untuk projek atau penyelidikan bagi meningkatkan pengetahuan di samping bertukar-tukar bahan dengan penyelidik di seluruh dunia. Jurnal-jurnal dan teks-teks elektronik yang ada dapat membantu pemelajaran ke arah meneroka maklumat mengikut kehendak individu secara interaktif.





1.4.6 Selaras Dengan Tuntutan Teori Pemelajaran Terkini

Pemelajaran melalui internet dapat merealisasikan proses pengajaran dan pemelajaran yang lebih tertumpu kepada pelajar. Hal ini demikian kerana maklumat dalam internet memberi pengetahuan yang bukan hanya dikongsi tetapi direka dan dicipta semula. Pelajar-pelajar terlibat aktif dalam persekitaran perbincangan dan bertanggungjawab ke atas proses pemelajaran mereka sendiri. Pelajar berpeluang berinteraksi antara satu sama lain bagi membentuk komuniti pelajar melalui internet.

Ciri-ciri hipermedia dalam internet membolehkan guru mengadaptasi kaedah pelbagai kepintaran yang dikemukakan oleh Gardner.



1.4.7 Meningkatkan Prestasi dan Minat Pelajar di Sekolah

Penggunaan internet dalam pengajaran dan pemelajaran dapat meningkatkan minat pelajar untuk mengambil bahagian dalam aktiviti pemelajaran dan seterusnya meningkatkan prestasi mereka (Chi Cheng lang, 2003). Menurut Sandholtz (1997), penggunaan komputer dan internet berjaya meningkatkan mutu pendidikan.





Penggunaan medium elektronik (e-medium) telah dikenalpasti dapat meningkatkan aktiviti penulisan secara kolaboratif sama ada dari segi kuantiti mahupun kualiti penulisan yang dilakukan oleh seseorang pelajar (Shawna, 2003a). Perkara ini berlaku kerana medium elektronik mengurangkan faktor ancaman (*intimidation factor*) (Shawna, 2003b) dan ciri-ciri yang lebih menarik yang terdapat pada internet, dapat meningkatkan sikap pelajar terhadap penulisan dan latihan bagi subjek tersebut (Shawna, 2003c) dan seterusnya menggalakkan para pelajar menulis lebih banyak (Shawna, 2003d). Dalam satu kajian, Gonzalez dan Perez (2001) mendapati bahawa pelajar yang mempelajari bahasa kedua yang mengguna email untuk memberikan pendapat, menulis lebih banyak dalam bahasa tersebut berbanding pelajar yang hanya menggunakan pen dan kertas. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat perubahan positif melalui penggunaan internet di dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Shawna, 2003e)

1.5 Pendekatan Teori

Untuk mengkaji kesediaan guru untuk menerima inovasi ini (internet) dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran, kajian ini mengadaptasi model proses penyerapan inovasi oleh Everett M. Rogers iaitu Diffusion of Innovations (Rogers, 1961, 1983, 1995;





Rogers). Model Rogers ini sering digunakan untuk mengenalpasti dan menerangkan proses perubahan yang berlaku akibat pengenalan sesuatu inovasi. Dalam hal ini Rogers memberi tumpuan terutamanya kepada adaptasi (adoption) teknologi komputer terhadap sesuatu organisasi. Untuk tujuan kajian ini, penyelidik menggunakan model dikemukakan oleh Everett M. Roger dalam bukunya *Diffusion of Innovation*, 4th (1995).

Menurutnya, inovasi ialah suatu idea, amalan atau benda yang dipersepsikan sebagai sesuatu yang baru oleh individu atau unit adaptasi lain (Rogers, 1995). Menurutnya, proses membuat keputusan mengenai sesuatu inovasi merupakan satu proses yang berlaku secara hirarki yang melibatkan lima tahap iaitu ;



- ii Persepsi untuk mengadaptasi inovasi
- iii Keputusan untuk mengadaptasi atau menolak inovasi
- iv Pelaksanaan idea baru
- v Pengesahan mengenai keputusan yang diambil.(Rogers, 1995).





1.6 Penyataan Masalah

Guru yang mempunyai pengetahuan komputer yang baik akan dapat menggunakan kemudahan komputer terutamanya jaringan internet untuk meneroka maklumat. Seterusnya dapat menambah pengetahuan dan digunakan dalam persediaan bahan pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, penggunaan komputer sebagai alat bantu mengajar menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih menarik dan memberi kesan yang lebih baik kepada pelajar. Kajian yang dijalankan oleh Casey (1996) menunjukkan pelajar yang menggunakan internet di dalam proses pembelajaran menunjukkan respons yang lebih tinggi, peningkatan dalam pengetahuan dan kemahiran menggunakan komputer serta peningkatan dalam keyakinan. Hal ini menunjukkan penggunaan internet dalam proses pengajaran dan pembelajaran semakin meningkat kepentingannya. Persoalan yang timbul ialah adakah para pendidik kita telah bersedia untuk menggunakan internet dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran? Apakah persepsi mereka terhadap penggunaan internet dalam pendidikan? Sejauh manakah mereka dapat menguasai kemahiran tersebut? Bersediakah mereka untuk mempelajari kemahiran baru ini?

Perkara-perkara ini perlu dikaji kerana merekalah orang yang mencorak dan membentuk generasi muda untuk menghadapi ledakan teknologi maklumat. Ketidaksediaan guru dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran menggunakan internet akan menimbulkan masalah dan menyebabkan wawasan negara tidak tercapai. Oleh itu, untuk meningkatkan penggunaan internet dalam pendidikan, pemahaman dan





penguasaan guru-guru tentang internet amat penting supaya guru dapat mengeksploitasi teknologi maklumat. Oleh yang demikian, satu kajian perlu dijalankan untuk mengenal pasti penerimaan penggunaan internet di kalangan guru-guru dan mendapat maklumat tentang penggunaan internet dalam proses pengajaran. Kajian ini penting sebagai langkah awal meninjau persediaan guru menghadapi inovasi tersebut.



1.7 Objektif Kajian



upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Kajian ini ialah untuk meninjau penggunaan internet di kalangan guru-guru sekolah menengah. Sehubungan itu, objektif kajian ini adalah untuk:

- i Mengetahui tahap persepsi guru terhadap kesesuaian penggunaan internet dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di sekolah.
- ii Mengetahui tahap persepsi guru terhadap keberkesanan penggunaan internet dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di sekolah.
- iii Mengetahui tahap persepsi guru terhadap keselesaan penggunaan internet dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di sekolah.





- iv Mengetahui tahap persepsi guru terhadap kesediaan mempelajari kemahiran menggunakan internet di sekolah.
- v Mengetahui tahap kesediaan guru menggunakan internet dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di sekolah.
- vi Mengetahui perbezaan kesediaan menggunakan internet berdasarkan profil guru (jantina, pengalaman mengajar, pengalaman menggunakan internet, umur guru).

Kajian ini akan meninjau sejauh manakah guru di Sekolah Menengah Teknik Kulim bersedia menggunakan internet untuk tujuan mendapatkan maklumat dan digunakan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam persekitaran menuju ke era pengajaran dan pembelajaran elektronik. Seterusnya kajian ini akan mengkaji sejauh manakah guru-guru telah mempunyai kemahiran asas dalam menggunakan kemudahan-kemudahan internet serta menggunakannya dengan berkesan.


1.8 Kerangka Konsep Kajian

Kajian ini bertujuan melihat sejauh mana internet diterima oleh guru-guru sebagai satu inovasi dalam aktiviti pengajaran. Penerimaan ini dilihat daripada aspek kesediaan mereka menggunakan internet dalam proses pengajaran mereka. Kajian ini memfokuskan kepada kesesuaian penggunaan internet dalam pengajaran, keberkesanan penggunaan internet dalam pengajaran, pengetahuan guru mengenai internet dan penggunaannya, dan





kesukaran menggunakan internet di sekolah. Selain itu kajian ini juga meninjau hubungan kait faktor sosial guru seperti jantina, pemilikan komputer, umur dan pengalaman mengajar dengan penggunaan internet dalam pengajaran. Kerangka konsep kajian seperti yang terdapat dalam Rajah 1.



Rajah 1.1 Kerangka Konsep Kajian (disesuaikan dengan Zainuddin, 2003)





1.9 Persoalan Kajian

Kajian ini cuba ntuk menjawab persoalan-persoalan berikut:

- i Sejauh manakah tahap persepsi guru mengenai kesesuaian menggunakan internet dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah?
- ii Sejauh manakah tahap persepsi guru mengenai keberkesanan menggunakan internet dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah?
- iii Sejauh manakah tahap persepsi guru mengenai keselesaan menggunakan internet dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah?
- iv Sejauh manakah tahap persepsi guru mengenai kesediaan mempelajari kemahiran internet.
- v Sejauh manakah tahap kesediaan guru untuk menggunakan internet dalam pengajaran dan pembelajaran?
- vi Adakah terdapat perbezaan mengenai kesediaan guru menggunakan internet mengikut faktor sosial guru (jantina, pengalaman mengajar, pengalaman menggunakan internet, dan umur guru).





1.10 Hipotesis Kajian

Soalan kajian (i) hingga (v) akan dijawab melalui statistik deskriptif , manakala soalan kajian (vi) akan dijawab melalui pengujian hipotesis berikut:

Ho.1 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi persepsi mengenai kesesuaian penggunaan internet dalam pengajaran dan pembelajaran mengikut jantina guru.

Ho.2 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi persepsi mengenai keberkesanan penggunaan internet dalam pengajaran dan pembelajaran mengikut jantina guru.

Ho.3.: Tidak terdapat terdapat perbezaan yang signifikan dari segi prsepsi mengenai keselesaan untuk menggunakan internet dalam pengajaran dan pembelajaran



Ho.4 : Tidak terdapat pebezaan yang signifikan mengenai kesediaan mempelajari kemahiran internet mengikut jantina guru.

Ho.5 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan mengenai persepsi guru terhadap kesesuaian menggunakan internet dalam pengajaran dan pembelajaran berdasarkan pengalaman mengajar

Ho.6 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan mengenai persepsi guru terhadap keberkesanan menggunakan internet dalam pengajaran dan pembelajaran berdasarkan pengalaman menggunakan internet.

Ho.7 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan mengenai persepsi guru terhadap kesediaan mempelajari kemahiran internet berdasarkan umur guru.





1.11 Kepentingan Kajian

Di dalam era perkembangan teknologi maklumat yang pesat ini, peranan pendidik perlu berubah sejajar dengan perkembangan tersebut. Justeru itu, tugas guru menjadi semakin mencabar, guru perlu mempunyai pengetahuan yang lebih luas, minat yang mendalam, sikap yang positif dan kesediaan diri dalam bidang teknologi maklumat. Guru yang mempunyai tahap pengetahuan komputer dan internet yang tinggi dapat mengoptimumkan penggunaan teknologi dalam usaha pembestarian pendidikan. Hasil kajian ini dapat memberi gambaran tentang tahap penerimaan dan penggunaan internet di kalangan guru-guru dan kemampuan guru-guru menggunakan kemudahan internet dengan cara yang betul dan berkesan.



Selain itu, kemahiran dan kemampuan untuk menggunakan perkhidmatan internet hendaklah diseimbangkan bersama dengan paras kemahiran guru itu sendiri. Guru hendaklah belajar semua aspek kemahiran dan peraturan yang patut diketahui sebelum, semasa dan selepas melayari internet, dari bermula tidak mahir hinggalah menjadi benar-benar mahir. Dengan adanya guru yang berkemahiran sedemikian, fungsi internet yang sebenar dalam kehidupan masyarakat akan lebih makna dan tidak disalahguna.

(Mohd Hajiman Haji Mat Jusak, 2004)

Di samping itu, penggunaan internet di kalangan guru juga dapat memastikan bahawa guru mempunyai pengetahuan yang cukup untuk memperlihatkan kesediaan mereka mengadaptasi inovasi ini dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini





penting kerana guru merupakan model kepada pelajar. Kajian ini dapat menunjukkan tahap penggunaan internet di kalangan guru, dan masalah yang dihadapi oleh guru dalam penggunaan internet dan seterusnya mencari jalan penyelesaian bagi meningkatkan penggunaan internet. Oleh yang demikian, hasil kajian tersebut penting untuk memberi gambaran kepada Kementerian Pelajaran selaku perancang pendidikan tentang tahap penggunaan internet di kalangan guru supaya mereka dapat merancang aktiviti yang dapat meningkatkan kemahiran guru dalam menggunakan internet terutamanya untuk proses pengajaran dan pembelajaran. Maklumat ini juga dapat membantu Bahagian Pendidikan Guru, Pusat Perkembangan Kurikulum dan pengetua sekolah dalam menyusun aktiviti pengurusan sumber manusia serta dapat menentukan bidang pengetahuan dan kemahiran komputer dan internet yang sepatutnya dikuasai oleh guru dan seterusnya meningkatkan lagi keyakinan guru dalam penggunaan internet.

Kajian ini jika disebarkan kepada pengetahuan guru dapat memberi kesedaran kepada para guru tentang pentingnya penggunaan internet sebagai bahan rujukan untuk pengajaran atau penyelidikan sebelum menyampaikannya kepada para pelajar. Masalah-masalah dan cadangan-cadangan yang dikemukakan boleh dijadikan garis panduan dalam meningkatkan lagi pengetahuan, kemahiran dan penggunaan internet sangat penting memandangkan internet merupakan satu komponen utama untuk berhadapan dengan cabaran penerokaan ilmu di alam siber.

Kajian ini juga diharap dapat memberi sedikit sumbangan kepada para penyelidik untuk menjalankan kajian yang lebih mendalam tentang faktor-faktor yang menentukan





kejayaan sesuatu inovasi dalam pendidikan selaras dengan wawasan kerajaan untuk menjadikan teknologi maklumat sebagai unsur penting dalam menghadapi alaf baru dan merealisasikan sistem pendidikan bertaraf dunia.

1.12 Batasan Kajian

Kajian ini hanya terbatas kepada kesediaan penggunaan internet di kalangan guru-guru di Sekolah Menengah Teknik Kulim untuk mencari maklumat dan penggunaannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu keputusan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada guru-guru di sekolah lain di negara ini. Sekolah teknik dipilih kerana selain mempunyai kemudahan komputer dan talian internet, sekolah ini juga mewakili bidang pendidikan teknik dan vokasional yang jarang menjadi sampel kajian. Di samping itu daerah ini dipilih dengan mengambil kira faktor kos, lokasi dan masa.





1.13 Definisi Operasional

1.13.1 Guru

Guru dalam kajian ini ialah seseorang yang telah mengikuti program perguruan secara formal di institusi perguruan, dan telah dilantik secara rasmi memegang jawatannya.

1.13.2 Internet

Internet ialah jaringan bagi jaringan global yang membolehkan semua jenis komputer berhubung secara langsung dan terus untuk berkomunikasi dan berkongsi perkhidmatan di serata dunia. (The Internet Society, 2002)

1.13.3 World Wide Web (WWW)

World Wide Web atau jaringan sejagat ialah suatu koleksi beribu-ribu komputer yang bekerja sama secara bebas sebagai satu pelayan dalam perkhidmatan internet. WWW juga boleh digambarkan sebagai sebuah perpustakaan besar mencakupi seluruh dunia. Teknologi WWW ini membolehkan komputer pengguna mencari dan memaparkan dokumen-dokumen berasaskan multimedia bagi pelbagai





perkara (Deitel, 2002).

1.13.4 Penggunaan Internet

Menurut Morris dan Fitz-Gibbson (1978), penggunaan adalah satu set tingkah laku sesuatu perkara mengikut apa yang dijalankan daripada perkara tersebut, perkara-perkara yang diamalkan atau dilaksanakan termasuk sumber-sumber, bahan dan kemudahan-kemudahan yang direka bentuk.

Penggunaan internet dalam kajian ini merujuk kepada penggunaan internet oleh guru sama ada secara dalam talian atau di luar talian dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

1.13.5 Pengetahuan mengenai internet

Menurut Ng Kim Siang (1990) pengetahuan merujuk kepada perkara asas tentang sesuatu perkara.

Dalam konteks kajian ini pengetahuan mengenai internet merujuk kepada kemahiran guru menggunakan internet serta sikap yang diperlukan untuk berfungsi secara lebih berkesan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.





1.13.6 Persepsi terhadap kesesuaian penggunaan internet.

Persepsi adalah satu proses aktif mengumpul maklumat melalui pancaindera mengenai sesuatu dan kemudian memproses maklumat tersebut supaya membawa maksud yang munasabah. Persepsi tidak bergantung sepenuhnya terhadap maklumat sedia ada tetapi ia juga dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti perasaan, emosi, harapan, kebimbangan, keperluan dan ingatan serta faktor lain seperti motivasi, budaya dan pengalaman lalu (Cassells dan Green, 1991).

Dalam konteks kajian ini persepsi guru terhadap penggunaan internet merujuk kepada perasaan mereka terhadap keperluan menggunakan internet dalam pengajaran dan pembelajaran, harapan guru terhadap hasil penggunaan internet dalam kelas, dan kebimbangan mereka semasa menggunakan internet dalam pengajaran dan pembelajaran.

1.13.7 Tahap kesediaan guru menggunakan internet

Kesediaan merujuk kepada sikap positif yang ada pada diri responden terhadap keinginan serta kesanggupan untuk melakukan tindakan untuk mencapai satu tujuan (Zainudin Abdullah, 2003).

Tahap kesediaan guru menggunakan internet dalam pengajaran mereka yang diukur melalui pengetahuan, kemahiran dan sikap terhadap internet (Wild, 1995).





Dalam kajian ini, tahap kesediaan guru menggunakan internet dalam pengajaran mereka yang diukur melalui persepsi mereka terhadap kesesuaian, keberkesanan, keselesaan menggunakan internet dan kesediaan mereka mempelajari kemahiran internet .

1.13.8 Sikap guru terhadap teknologi

Menurut Aiken (1976), sikap merujuk kepada kecenderungan untuk berkelakuan positif atau negatif terhadap objek, situasi, institusi, konsep atau seseorang manakala Ajzen (1988) menyatakan bahawa sikap bekecenderungan untuk bertindakbalas secara berhemah (*favourably*) atau tidak berhemah (*unfavourably*) terhadap objek, seseorang, institusi atau.

Dalam kajian ini, sikap guru terhadap teknologi maklumat didefinisikan sebagai tahap kepercayaan tentang kebergunaan, kebimbangan, kebencian, dan keyakinan yang diukur berdasarkan alat pengukuran berasaskan teknologi maklumat.





1.13.9 Keberkesanan (usefulness) menggunakan internet

Davis (1989) mendefinisikan keberkesanan sebagai darjah kepercayaan pengguna bahawa penggunaan sesuatu sistem itu boleh menambahbaik prestasi kerja mereka.

Perkara ini merujuk kepada perasaan guru terhadap keberkesanan apabila menggunakan internet, sesuatu aplikasi perisian tertentu, aplikasi perisian secara umum dan penggunaan komputer atau teknologi maklumat secara umum untuk tujuan masa senggang.



1.13.10 Keyakinan (confidence) guru menggunakan internet

Gressard and Loyd (1986) mendefinisikan keyakinan sebagai persepsi pengguna terhadap kebolehan mereka untuk menggunakan atau mempelajari komputer.

Dalam konteks kajian ini, perkara ini merujuk kepada perasaan guru terhadap kepastian dalam menggunakan internet, sesuatu aplikasi perisian tertentu, aplikasi perisian secara umum dan penggunaan komputer atau teknologi maklumat secara umum dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran..





1.13.11 Kebimbangan (anxiety) guru terhadap penggunaan internet

Mengikut Speier et al. (1997), kebimbangan merujuk kepada rasa tidak selesa dari segi psikologi dalam menggunakan komputer.

Perkara ini merujuk kepada rasa tidak senang guru dan kegelisahan mereka dalam menggunakan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

1.12 Kesimpulan

Dalam bab ini, penyelidik menerangkan tentang latar belakang kajian, keperluan menggunakan internet dalam pengajaran dan pembelajaran, kelebihan menggunakan internet dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran, asas teori yang digunakan, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kerangka konsep kajian, kepentingan kajian dan definisi terhadap istilah-istilah yang digunakan dalam kajian ini.

